

Lancar dana RM1 billion

Ekuinas komited dalam usaha menggalakkan perniagaan tempatan

Ekuiti Nasional Berhad mengumumkan pelancaran Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund, juga dikenali sebagai Fund IV yang bernilai RM1 bilion dan berkemungkinan ditingkatkan kepada RM1.5 bilion.

Dana ini akan tertumpu di negara dengan penekanan terhadap sektor teras seperti pendidikan, minyak dan gas, barang pengguna laris (FMCG), peruncitan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan dan sektor lain dengan prospek yang positif.

Berikutan penutupan dana pertamanya, Ekuinas Direct (Tranche I) Fund, Ekuinas berjaya meraih RM2.3 bilion daripada hasil jualan, dividen dan faedah, yang digunakan untuk menubuhkan dana baharu ini. Ini akan membawa jumlah dana dibawah pengurusan (FuM) Ekuinas sebanyak RM4.1 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir berkata, Eku-



SYED YASIR ARAFAT

ekuinias
EKUITI NASIONAL BERHAD

inas dengan sukacitanya melancarkan dana keempat sejajar dengan strategi dan rancangan perniagaannya untuk fasa seterusnya.

"Bajet 2019 dilihat sebagai mempermudah dan mesra perniagaan, dengan tumpuan kukuh terhadap usaha memacu Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

"Usaha Kerajaan untuk menggalakkan kerjasama dan perdagangan antara negara-negara Asean juga mewujudkan persekitaran perniagaan serantau dinamik, yang akan memberikan kesan positif terhadap syarikat-syarikat dan juga ekonomi tempatan."

INFO

■ Ekuinas telah melancarkan dana keempatnya, Ekuinas Direct (Tranche IV) Fund atau Fund IV bernilai RM1 bilion dan berkemungkinan ditingkatkan kepada RM1.5 bilion, yang sedia digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan tempatan berpotensi tinggi.

■ Selepas penutupan dana pertamanya pada akhir 2017, Ekuinas sehingga kini telah merealisasikan hasil pelaburan, dividen dan faedah berjumlah RM2.3 bilion, yang telah disalurkan untuk menubuhkan dana baharu tersebut seterusnya membawa jumlah dana di bawah pengurusan (FuM) sebanyak RM4.1 bilion.

"Kami melihat pemangkin ini sebagai faktor yang akan menyokong kadar pertumbuhan Malaysia. Ekuinas akan terus berusaha melaksanakan mandat dalam memperkasa syarikat-syarikat berpotensi tinggi di Malaysia dengan membina asas kukuh bagi mencapai mercu pertumbuhan seterusnya, sambil menyumbang kepada pembangunan ekonomi secara lebih meluas," katanya.